



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000
Faks : 03- 8889 5490
Emel : pro@dof.gov.my
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN NORWAY DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PERIKANAN

1. Kekurangan sumber perikanan yang dihadapi dunia hari ini agak meruncing di mana pengeluaran ikan dunia kini sebanyak 160 juta tan metrik perlu ditingkatkan kepada 238 juta tan metrik dalam tempoh 15 tahun akan datang.
2. Ianya sukar dicapai kerana sumber ikan di laut semakin berkurangan dan mengancam kehidupan komuniti nelayan yang bergantung hidup kepada aktiviti perikanan.
3. Kejayaan negara Norway membangunkan industri penternakan ikan salmon sehingga menjadi negara pengeksport terbesar salmon di dunia membuktikan penternakan ikan secara moden dan berteknologi tinggi adalah *langkah terbaik*.
4. Jumlah nilai eksport ikan dan produk ikan per tahun mencapai sekitar 75 Bilion NOK (RM39.4 Bilion) menempatkannya sebagai salah satu sektor eksport terbesar Norway. Hampir 95 % hasil produk ikan dari negara ini dieksport dalam pelbagai jenis produk ke sekitar 160 negara.

5. Kemampuan Norway dalam memaksimumkan potensi perikanan yang dimiliki, dapat dijadikan contoh (role model) oleh Malaysia berkaitan pengurusan perikanan yang baik. Aplikasi teknologi Norway antara langkah terbaik dalam menyumbang kepada keperluan ikan dalam negara sebanyak 3 juta tan metrik menjelang tahun 2020.

6. Melalui kerjasama Jabatan Perikanan dan kerajaan Norway ini, sangkar ikan diperbuat daripada *High-Density Polyethylene* (HDPE) yang digunakan dalam penternakan ikan salmon boleh diaplikasikan kaedah penternakan yang sama di Sangkar Laut Terbuka (SLT) yang menjadi projek perintis penternakan ikan secara moden di laut terbuka.

7. Antara spesis ikan yang boleh ditenak dalam sangkar itu seperti ikan merah, siakap dan kerapu harimau serta kerapu kertang.

8. Malaysia juga mengaplikasikan *Intergrated Aquaculture Intelligent Solution* (IAIS) digunakan di Norway untuk membantu mengesan pelbagai parameter kualiti air termasuk oksigen terlarut, arus, nilai pH dan suhu yang penting untuk proses awal penetasan supaya kadar kematian anak-anak ikan dapat dikurangkan dan meningkatkan kadar tumbesaran.

9. Malaysia telah menandatangani perjanjian projek kerjasama antara Malaysia dan Norway dalam penambahbaikan Rangka Kerja Peraturan Akuakultur bermula dari tahun 2012 hingga 2016.

10. Aktiviti-aktiviti di bawah projek kerjasama ini berjalan dengan lancar di mana **draf kaedah-kaedah perikanan darat (akuakultur) telah disediakan dan seorang pegawai Jabatan Perikanan telah berjaya *menamatkan pengajian M.Sc** di dalam bidang kesihatan ikan. Pegawai Jabatan Perikanan telah dihantar untuk menjalani latihan sangkutan di Norway bermula tahun 2013 dan terkini, 2 orang pegawai telah menamatkan latihan dengan jayanya pada 13 Nov 2016.

11. Satu laporan akhir bagi keseluruhan projek akan disediakan selepas tamat tempoh projek pada hujung tahun ini.

12. Projek Kerjasama Malaysia-Norway ini diadakan bertujuan bagi membantu usaha Kerajaan memperkukuhkan **pembangunan industri perikanan dan agromakanan negara** di samping mempertingkatkan lagi hubungan dua hala kedua negara.

###

Kenyataan ini disiarkan oleh;

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

15 November 2016